



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG
MELALUI PROSES JAWATANKUASA KHAS
PENILAIAN PERKHIDMATAN PROFESIONAL KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN**

PERATURAN 7(a)

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN
PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DENGAN PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**JURURAWAT (BIDANG PERGIGIAN) (M.7-8 EB.9)
JABATAN PERKHIDMATAN PERGIGIAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


**TARIKH IKLAN: 16 APRIL 2025
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 30 APRIL 2025
BILANGAN IKLAN: 2025/APR/03/KKS**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat dan Penduduk Tetap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila rujuk kepada Kementerian / Jabatan yang mengendalikan proses pengambilan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**JURURAWAT (BIDANG PERGIGIAN)
JABATAN PERKHIDMATAN PERGIGIAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.7-8 EB.9 (\$1,310 - \$2,315 EB KHAS \$2,385 - \$2,665 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA PULUH TUJUH (27)**

KELAYAKAN MINIMUM:.

1. a) Diploma dalam bidang *Dental Hygiene / Dentistry* atau sebanding dan bersesuaian.

ATAU

- b) Advanced Diploma dalam bidang *Dental Hygiene / Dentistry* atau sebanding dan bersesuaian.

ATAU

- c) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang *Dental Hygiene and Theraphy / Dentistry* atau sebanding dan bersesuaian.

2. Memenuhi syarat-syarat kelayakan pendaftaran dengan Lembaga Jururawat bagi Brunei (*Nursing Board for Brunei*) atau mana-mana Lembaga yang berkenaan dan diiktiraf.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertugas di klinik-klinik pergigian sekolah / pusat-pusat / klinik-klinik kesihatan / hospital atau menyertai program-program promosi kesihatan mulut mengikut keperluan jabatan;
2. Melaksanakan tugas-tugas Juruterapi dan Juruhigin Pergigian mengikut dasar-dasar dan tatacara perawatan yang tertentu;
3. Membuat rawatan klinikal di bawah skop rawatan yang dibenarkan bagi kanak-kanak yang berumur 17 tahun ke bawah;
4. Membuat rawatan klinikal bagi skop juruhigin atau terapi pergigian untuk pesakit dewasa dan tempahan dewasa;
5. Memastikan penggunaan dan pemeliharaan peralatan-peralatan pergigian dijalankan dan dikendalikan dengan teratur, bahan-bahan dan peralatan-peralatan pergigian di dalam simpanan mencukupi dan dalam keadaan baik dan tidak mansuh;



6. Memberikan kaunseling, tunjuk ajar dan nasihat tentang penjagaan kesihatan mulut kepada murid-murid sekolah, ibu-ibu mengandung, ibu bapa, penjaga kanak-kanak serta orang ramai;
7. Merujuk masalah rawatan pergigian yang di luar keupayaan kepada Jururawat Pergigian Kanan / Pegawai Pergigian;
8. Menyediakan catatan harian dan bulanan untuk kegunaan statistik bagi keperluan Jabatan dan Kementerian;
9. Mengambil radiografi (*X-ray*) gigi dan mencalak gigi *impression* untuk keperluan pesakit dewasa;
10. Membuat rawatan *pulpotomy* dan rawatan *stainless steel crown* bagi kegigian susu;
11. Penggunaan *azestetik* setempat, Infiltrasi dan *Regional* di dalam rawatan pergigian tertentu;
12. Membuat sapuan varnis berfluorida dan membuat rawatan pengapan fisur;
13. Memberikan ceramah bagi pembelajaran berterusan Jururawat Pergigian bila diperlukan; dan
14. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang akan diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

**Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada
Urus Setia Bahagian Pengurusan Sumber Tenaga Manusia,
Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan seperti berikut:**

Alamat :	BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER TENAGA MANUSIA, JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN, KEMENTERIAN KESIHATAN, JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN, BE3910 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Emel :	recruitment.ahp@moh.gov.bn
No.Tel :	2383020